

## *Keberkesanan Kaedah PdP Berasaskan Tugasan Bagi Meningkatkan Kemahiran Bertutur*

**Zainaba Omar**

zainaba\_omar@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Clementi**

### *Abstrak*

Kajian ini bertujuan untuk membantu murid meningkatkan prestasi mereka dalam kemahiran bertutur. Kaedah kuasi eksperimen praujian dan pascaujian bagi kumpulan tidak seimbang telah digunakan untuk mengkaji keberkesanan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas (PPBT) untuk mengajar kemahiran bertutur. Kumpulan rawatan menggunakan kaedah PPBT dan kumpulan kawalan pula menggunakan pendekatan konvensional. Dapatan kajian daripada ujian Wilcoxon Signed Ranks menunjukkan perbezaan yang signifikan antara praujian dan pascaujian dalam aspek kelancaran bagi kumpulan rawatan dengan nilai  $Z = -4.075$ ,  $p < .001$ . Skor bagi penggunaan kosa kata pula mempunyai nilai  $Z = -4.108$ ,  $p < .001$  manakala skor bahasa mempunyai nilai  $Z = -3.811$ ,  $p < .001$ . Namun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian kemahiran bertutur dalam kalangan kumpulan kawalan. Secara kesimpulan, kaedah PPBT boleh digunakan oleh guru untuk meningkatkan kemahiran bertutur murid agar dapat menambah nilai PdP Bahasa Melayu.

Kata Kunci: tugas, kemahiran bertutur, kelancaran, kosa kata

## PENGENALAN

Kedwibahasaan merupakan tunjang sistem pendidikan di Singapura. Dasar kedwibahasaan yang diamalkan di Singapura telah menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar Singapura manakala bahasa Mandarin, Melayu dan Tamil yang dikenali sebagai bahasa rasmi berstatus bahasa ibunda. Bahasa Inggeris perlu untuk menyatupadukan masyarakat majmuk Singapura. Namun bahasa ibunda penting dipelajari dan dikuasai agar masyarakat Singapura tidak kehilangan jati diri, identiti kebudayaan dan keyakinan diri dalam era globalisasi ini (Lee, 2000).

Memang tidak dapat dinafikan bahawa dasar bahasa yang berpaksikan kedwibahasaan ini telah berjaya dan memberi impak yang besar terhadap pembangunan ekonomi dan sosial Singapura. Singapura kini dikenali sebagai sebuah negara yang berjaya melaksanakan sistem pendidikan kedwibahasaan dengan jayanya. Kini, setiap rakyat Singapura boleh bertutur dan sentiasa meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Inggeris. Bahasa ibunda pula diajarkan untuk memperkukuh kemahiran berkomunikasi, memupuk kesedaran dan penghayatan budaya agar mereka dapat memahami dan menghayati warisan budaya di samping membolehkan orang ramai berhubung dengan masyarakat di Asia dan seluruh dunia (*Ministry of Education*, 2010).


Namun, ramai rakyat Singapura kini kurang memberikan penekanan terhadap bahasa ibunda setelah mereka meninggalkan alam persekolahan dan memasuki alam pekerjaan. Mereka tidak mempunyai sebab-sebab yang relevan untuk terus mempelajari atau menggunakan bahasa ibunda kerana bahasa Inggeris telah diberikan keutamaan sebagai bahasa 'pekerjaan', bahasa perhubungan dan bahasa pentadbiran (Curdt-Christiansen, 2014; Zhao & Shang, 2014). Hal ini menyebabkan kebanyakan murid mempelajari bahasa ibunda sekadar untuk memenuhi syarat lulus dalam peperiksaan. Oleh itu, untuk memastikan bahasa ibunda, khususnya bahasa Melayu, terus dilestarikan, perlu ada kaedah yang dapat membantu dalam PdP bahasa Melayu di sekolah yang sesuai dengan keperluan murid hari ini.



## PERNYATAAN MASALAH

Tinjauan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Singapura (2010) menunjukkan lebih ramai keluarga Melayu yang mula menggunakan bahasa Inggeris di rumah dan jumlahnya semakin hari semakin bertambah. (*Ministry of Education, 2010*). Rajah 1 menunjukkan dapatan daripada tinjauan yang dijalankan di sekolah-sekolah oleh Kementerian Pendidikan Singapura daripada tahun 1999 hingga ke tahun 2019. Peningkatan penggunaan bahasa Inggeris di rumah berlaku dalam kalangan keluarga Melayu daripada 18 peratus pada tahun 1999 kepada 67 peratus pada tahun 2019 (Zhao, 2019).

**Rajah 1: Peratusan Murid Darjah 1 Yang Menggunakan Bahasa Inggeris Di Rumah.**



Semakan Bahasa Ibunda 2005 dan 2010 yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Singapura juga menunjukkan bahawa murid lebih selesa bertutur dalam bahasa Inggeris walaupun di dalam kelas Bahasa Melayu. Laporan Semakan Bahasa Ibunda 2010 menunjukkan bahawa guru terpaksa menggunakan kaedah penterjemahan ketika mengajar bahasa Melayu bagi membantu murid untuk memahami perkara yang diajarkan. Keadaan ini diburukkan lagi dengan peruntukan masa untuk pengajaran bahasa Melayu yang semakin singkat jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Hal ini menyebabkan murid kurang mendapat pendedahan, berasa amat sukar untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih dan lebih cenderung untuk bertutur dalam bahasa Inggeris. Selain itu, murid juga sentiasa menggunakan 'code-

*switching*' atau alih kod kepada bahasa Inggeris ketika bertutur dan akhirnya menjadi lumrah di dalam bilik darjah (*Ministry of Education*, 2010). Jika senario ini dibiarkan begitu sahaja, tentu saja penguasaan bahasa Melayu akan terus merosot dan akhirnya berlakunya '*inter-language fossilization*'. Dalam jangka masa yang panjang, matlamat dasar dwibahasa yang menekankan penguasaan dua bahasa yang sama lancar mungkin akan terbantut dan tidak tercapai sekiranya tidak ada usaha untuk membantu murid belajar dan bertutur bahasa Melayu dengan lebih aktif lagi. Memandangkan masalah murid pada hari ini yang mempunyai cabaran untuk mempelajari dan bertutur dalam bahasa Melayu, maka wajar untuk mengenalkan suatu kaedah yang dapat membantu guru untuk mengajar kemahiran ini dengan menekankan pelibatan murid secara aktif (*Ministry of Education*, 2005 & 2010). Maka kajian ini meneroka keberkesanan PPBT untuk mengajar kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. meneliti keberkesanan kaedah PPBT untuk mengajar kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu; dan
2. menganalisis perbezaan pencapaian praujian dan pascaujian pertuturan kumpulan rawatan setelah menjalani pengajaran menggunakan PPBT.

## KAJIAN LEPAS

Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas (PPBT) ialah suatu kaedah untuk mengajar bahasa, yang amat berkait rapat dengan pengajaran komunikatif. Richards dan Rodgers (2001) dan Ellis (2003) mendefinisikan PPBT sebagai satu kaedah yang mengutamakan tugas yang bermakna sebagai asas dalam PdP bahasa dan proses menggunakan bahasa mengikut konteks yang sesuai dan betul. Willis & Willis (2007); Van de Branden (2006); Ellis (2003); Skehan (1998); Long dan Crookes (1992) juga menyatakan bahawa murid akan mempelajari bahasa dengan berkesan melalui tugas



yang perlu dilakukan secara berpasangan atau berkumpul di dalam bilik darjah. Menurut Rohani (2011) pula, tugasan memang sesuai digunakan dalam pengajaran kerana tugasan dapat membantu murid untuk memberikan fokus kepada makna, berpeluang menggunakan bahasa ketika menjalankan tugasan dan berupaya membangkitkan stimulasi murid untuk menguasai bahasa yang dipelajari.

Menurut Long (2007), PPBT bertujuan untuk melengkapkan diri murid untuk berkomunikasi secara berkesan dalam situasi sebenar. Perkara yang sama turut dikongsikan oleh Burito dan Hayat (2010) yang menjalankan kajian untuk membantu murid menggunakan bahasa sasaran dengan lancar. Mereka mendapati bahawa kumpulan murid ini menunjukkan peningkatan dalam kemahiran bertutur selepas menjalani aktiviti dan membuat refleksi terhadap pembelajaran mereka. Ketika PPBT dilaksanakan, penekanan diberikan kepada ketepatan dan kelancaran bahasa yang digunakan. Aliakbari dan Jamalvandi (2010) telah mengkaji keberkesanan main peranan sebagai tugasan dalam PPBT untuk membantu murid memperoleh kemahiran bertutur di Iran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa PPBT telah berjaya membantu murid untuk berkomunikasi dalam bahasa sasaran dengan lebih berkesan. Mao (2012) mengukuhkan penjelasan ini dengan menyatakan bahawa pembelajaran kemahiran bertutur harus disokong dengan pengajaran bahasa yang memberikan peluang kepada murid untuk berinteraksi dengan menggunakan bahasa sasaran bagi mencapai objektif kemahiran bahasa. Hu (2013) juga mengkaji respons dan persepsi guru-guru dari 30 buah sekolah di Beijing terhadap PPBT. Dengan menggunakan kaedah temu bual dan pencerapan bilik darjah, Hu mendapati guru-guru dapat menerima PPBT dengan baik dan menunjukkan mereka menggunakan PPBT secara aktif dan berkesan di dalam bilik darjah. Kajian yang dijalankan oleh Buitrago (2015) di sebuah sekolah di Columbia dengan menggunakan 38 murid di sekolah menengah menunjukkan PPBT turut menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam peningkatan kemahiran bertutur bahasa Inggeris.

Lebih menarik, PPBT ini bertepatan dengan kehendak bilik darjah moden pada hari ini. Murid kini lebih menggemari konsep pendidikan yang berpusatkan murid dan mahu diberikan peluang untuk berkomunikasi dalam



proses PdP. Selain peningkatan kemahiran dan pengetahuan bahasa, kajian juga menunjukkan bahawa PPBT telah berjaya menyuntik motivasi intrinsik, menggalakkan penglibatan aktif di dalam bilik darjah dan meningkatkan kemahiran kolaboratif dan komunikatif. Kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan perkaitan yang rapat antara aktiviti komunikasi dalam tugas yang terdapat dalam PPBT dengan motivasi untuk mempelajari bahasa (Xiong & Moses, 2011; Plews & Zhao, 2010; Barnard & Viet, 2010). Islam, Ghassem, dan Abdulreza, (2017), turut mendapati perbezaan yang signifikan dalam tahap motivasi dalam kalangan 100 orang murid di Iran. Dapatan kajian tersebut mendapati bahawa pengalaman menggunakan tugas ini berjaya menarik perhatian dan minat para murid.

Berdasarkan kesan positif yang diperlihatkan dalam penyelidikan yang dijalankan dalam PPBT, kajian ini meneliti keberkesanan PPBT dalam pengajaran bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah, memandangkan belum ada kajian PPBT yang dijalankan di Singapura bagi subjek Bahasa Melayu. Teori yang mendasari kaedah ini ialah teori bahasa kedua Krahsen, teori psikolinguistik dan teori sosiobudaya.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen jenis ujian pra-pasca bagi kumpulan-kumpulan tidak seimbang (*non-equivalent groups' pre-post-tests design*). Reka bentuk kuasi eksperimen ini digunakan untuk mengukur keberkesanan PPBT untuk mengajar kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu terhadap kumpulan rawatan dan membandingkannya dengan kesan pendekatan konvensional terhadap kumpulan kawalan.

### **Subjek Kajian**

Sampel kajian terdiri daripada murid darjah lima di dua buah sekolah rendah yang dipilih oleh pihak pentadbir sekolah. Sebuah kelas dari kawasan barat Singapura menjadi kumpulan rawatan manakala sebuah kelas dari sebuah sekolah rendah di kawasan timur Singapura menjadi kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan ini terdiri daripada 30 orang murid manakala kumpulan



kawalan terdiri daripada 22 orang murid. Jumlah ini tidak dapat dikawal kerana jumlah murid di sekolah dan di dalam kelas tersebut sudah ditetapkan oleh pihak sekolah. Oleh itu, pensampelan secara rawak tidak dapat dilakukan dalam kajian ini.

## Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan ialah praujian dan pascaujian dengan menggunakan gambar tunggal bagi menilai kelancaran, kosa kata dan struktur bahasa ketika bertutur.

## Prosedur Kajian

Jadual 1 menunjukkan kaedah PPBT yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini diubah suai daripada model PPBT Ellis (2003) dan model PPBT Willis (1996). Pengubahsuaian ini dilakukan dengan mengambil kira profil murid di Singapura. Terdapat empat peringkat tugas dalam kaedah ini, iaitu peringkat sebelum tugas, persediaan tugas, persembahan tugas dan pengajaran bahasa.

**Jadual 1: Kaedah PPBT dalam PdP Bahasa Melayu**

KAEDAH PPBT DALAM KAJIAN	
<b>Sebelum Tugas</b>	Objektif/ Pengenalan/ Tugas/ Modeling/ Perbincangan Kosa Kata
<b>Persediaan Tugas</b>	Merancang/ Berlatih
<b>Persembahan Tugas</b>	Melakukan Tugas/ Penilaian/ Mengenal pasti Kesilapan Bahasa
<b>Pengajaran Bahasa</b>	Mengikuti Pengajaran Bahasa/ Latihan Bahasa

Pada peringkat sebelum tugas, guru menerangkan objektif pelajaran, tugas yang perlu dilakukan dan menunjukkan contoh hasil tugas yang diharapkan. Guru menggunakan teks bacaan, video atau audio yang pelbagai sebagai stimulasi perbincangan dan melakukan sumbang saran dan perbincangan kosa kata yang diperlukan untuk menjalankan tugas yang diberikan. Peringkat persediaan tugas dimulakan dengan perancangan

tugasan. Murid merancang cara tugas yang akan dipersembahkan dan skrip/tugasan yang diperlukan untuk persembahan. Mereka akan berlatih menggunakan skrip/tugasan yang disediakan untuk membuat persembahan. Pada peringkat persembahan, murid akan mempersembahkan tugas mereka di hadapan rakan-rakan di kelas mereka. Pada peringkat ini, mereka akan mendapat maklum balas daripada guru, rakan sebaya dan diakhiri dengan penilaian sendiri. Pada peringkat terakhir, guru akan menjalankan pengajaran tatabahasa secara eksplisit.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Skor pencapaian murid dari segi kelancaran, penggunaan kosa kata dan bahasa bagi kedua-dua kumpulan dianalisis dengan menggunakan Ujian *Wilcoxon Signed Ranks* dan Ujian *Mann-Whitney*. Dapatan kuantitatif ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan manakala skor bagi kumpulan kawalan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan. Jadual 2 menunjukkan statistik deskriptif bagi praujian dan pascaujian bagi kelancaran, penggunaan kosa kata dan bahasa manakala Jadual 3 pula memaparkan statistik ujian bagi kumpulan kawalan.

**Jadual 2: Statistik Deskriptif**

**(Skor Kelancaran, Kosa Kata Dan Bahasa Praujian Dan Pascaujian Bagi Kumpulan Kawalan)**

	N	Min	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum	Persentil		
						25th	50th (Median)	75th
<b>Kelancaran (praujian)</b>	22	4.90	1.23	1.00	7.00	4.00	5.00	6.00
<b>Kelancaran (pascaujian)</b>	22	5.22	0.921	3.00	7.00	5.00	5.00	6.00
<b>Kosa Kata (praujian)</b>	22	5.09	1.50	1.00	8.00	4.00	5.00	6.00
<b>Kosa Kata (pascaujian)</b>	22	5.36	1.00	3.00	7.00	5.00	5.50	6.00
<b>Bahasa (praujian)</b>	22	5.09	1.50	1.00	8.00	4.00	5.00	6.00
<b>Bahasa (pascaujian)</b>	22	5.72	0.93	4.00	7.00	5.00	6.00	6.00





**Jadual 3: Statistik Ujian**  
**(Skor Kelancaran Praujian Dan Pascaujian Bagi Kumpulan Kawalan)**

<b>Kelancaran (pascaujian) – Kelancaran (praujian)</b>
Z -.941
Asymp. Sig. (2-tailed) .347
<b>Kosa Kata (pascaujian) – Kelancaran (praujian)</b>
Z -.810
Asymp. Sig. (2-tailed) .418
<b>Bahasa (pascaujian) – Bahasa (praujian)</b>
Z -1.761
Asymp. Sig. (2-tailed) .078

Jadual 2 dan 3 menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dalam aspek kelancaran pada sebelum rawatan (median = 5.00) dan selepas rawatan (median = 5.00) bagi kumpulan kawalan,  $Z = -.941$ ,  $p > .05$ .

Jadual 4 dan 5 pula menunjukkan statistik deskriptif dan statistik ujian bagi praujian dan pascaujian bagi kelancaran, penggunaan kosa kata dan bahasa kumpulan kawalan.

**Jadual 4: Statistik Deskriptif**  
**(Skor Kelancaran Praujian Pra Dan Pascaujian Bagi Kumpulan Rawatan)**

	N	Min	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum	Persentil		
						25th	50th (Median)	75th
<b>Kelancaran (praujian)</b>	30	4.93	1.33	2.00	7.00	4.00	5.00	6.00
<b>Kelancaran (pascaujian)</b>	30	6.20	1.51	3.00	9.00	5.00	7.00	7.00
<b>Kosa Kata (praujian)</b>	30	4.56	1.30	2.00	8.00	3.75	5.00	5.00
<b>Kosa Kata (pascaujian)</b>	30	5.66	1.39	3.00	8.00	4.75	6.00	7.00
<b>Bahasa (praujian)</b>	30	4.60	1.35	2.00	7.00	4.00	4.50	5.00
<b>Bahasa (pascaujian)</b>	30	5.70	1.60	2.00	9.00	5.00	6.00	7.00

**Jadual 5: Statistik Ujian**

**(Skor Kelancaran, Kosa Kata Dan Bahasa Praujian Dan Pascaujian Kumpulan Rawatan)**

<b>Kelancaran (pascaujian) – Kelancaran (praujian)</b>
Z -4.075
Asymp. Sig. (2-tailed) .000
<b>Kosa Kata (pascaujian) – Kelancaran (praujian)</b>
Z -4.108
Asymp. Sig. (2-tailed) .000
<b>Bahasa (pascaujian) – Bahasa (praujian)</b>
Z -3.811
Asymp. Sig. (2-tailed) .000

Jadual 4 dan 5 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan yang menggunakan PPBT. Dapatan daripada kajian ini selari dengan rumusan kajian yang dijalankan oleh Nunan (2010), Ellis (2003) dan Willis (1996) yang menyatakan bahawa PPBT mampu membantu murid mempelajari sesuatu bahasa dengan berkesan.

Dapatan kajian ini menyokong perkara yang dinyatakan oleh Mao (2012), iaitu pendekatan seperti PPBT dapat memberi peluang kepada murid untuk berinteraksi menggunakan bahasa sasaran dan membantu untuk mencapai objektif kemahiran bahasa. Di samping itu, dapatan kajian ini juga sejajar dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Buriro dan Hayat (2010) yang menjalankan kajian untuk membantu murid menggunakan bahasa dengan lancar di Pakistan. Mereka mendapati bahawa kumpulan murid ini menunjukkan peningkatan dalam kemahiran bertutur setelah menjalani aktiviti dan membuat refleksi terhadap pembelajaran mereka.

Dapatan bagi kumpulan kawalan pula menunjukkan pendekatan konvensional yang digunakan tidak membawa perbezaan yang signifikan terhadap kelancaran bertutur bahasa Melayu. Dapatan ini adalah selari dengan perkara yang telah dinyatakan oleh Skehan (1998), iaitu pendekatan konvensional seperti PPP (*Production, Practice dan Production*) diragui akan keberkesanannya untuk membantu dalam pengajaran kemahiran bertutur kerana kemahiran ini bukan sekadar untuk membuat latihan tatabahasa akan



tetapi memerlukan pendedahan kepada tugas yang bermakna. Selain itu, dapatan ini juga mengukuhkan lagi kajian yang telah dilakukan oleh DeKeyser (2001) dan Klapper (2003) yang menyatakan bahawa pendekatan konvensional yang kurang menggunakan tugas dalam pengajaran akan menyebabkan murid tidak dapat berkomunikasi dalam bahasa sasaran, walaupun telah bertahun-tahun mempelajari bahasa tersebut. Tambahan lagi, dapatan kajian ini juga selari dengan rumusan yang telah dibuat oleh Frost (2014). Beliau merumuskan bahawa pendekatan konvensional seperti PPP boleh memberikan keyakinan untuk murid bertutur dalam konteks bilik darjah, namun murid akan mula berasa sukar atau langsung tidak dapat menggunakan bahasa yang dipelajari ketika bertutur setelah menjalani beberapa sesi pengajaran.

Secara keseluruhan, kajian ini mengesahkan bahawa tugas dalam PPBT dapat menjadi agen pendedahan kepada persekitaran untuk bertutur bahasa Melayu dalam konteks sosial. Tugas yang diberikan juga berupaya menjadi perangsang kepada murid untuk membuat kesilapan dan mempelajari daripada kesilapan yang telah dilakukan melalui kesedaran yang timbul ketika berinteraksi (*noticing*). Tanpa pendedahan kepada persekitaran kondusif untuk bertutur, sudah pasti murid akan berasa sukar untuk menggunakan bahasa sasaran dan hal ini boleh mengekang penguasaan kemahiran bertutur dengan lancar. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa murid hari ini tidak lagi terangsang untuk belajar bertutur melalui pendekatan konvensional. Mereka memerlukan model, peluang melibatkan diri secara aktif, peluang membuat kesilapan dan kemudian merenung nilai kesilapan tersebut sebelum menguasai bahasa sasaran dengan lancar. PPBT dapat memenuhi kehendak murid hari ini.

Namun, kajian lanjutan masih diperlukan untuk menyelidik kesan PPBT terhadap peningkatan kemahiran bertutur dari sudut kualitatif. Dalam kajian ini, tiada pencerapan bilik darjah yang dapat dilakukan sepanjang PPBT ini dijalankan. Pengalaman murid yang terlibat dalam PPBT dapat memberikan maklumat penting tentang implikasi proses yang dilalui oleh mereka. Selain itu, pengalaman guru-guru yang menggunakan PPBT juga dapat digunakan sebagai data kajian menurut perspektif guru. Oleh itu, kajian susulan yang berbentuk kualitatif yang menggunakan temu bual dan pasca persidangan



dengan murid dan guru harus dijalankan. Hal ini dapat membantu untuk mendapatkan data perihal penerimaan guru dan murid terhadap PPBT dengan lebih mendalam. Di samping itu, kajian susulan juga boleh dilakukan dengan menggunakan soal selidik selepas setiap tugas yang diberikan. Soal selidik ini harus diselesaikan oleh guru dan murid untuk membantu pengkaji mengetahui persepsi mereka selepas menjalankan setiap tugas dan diikuti dengan renung nilai secara bertulis. Justeru, data-data ini akan memberikan nilai tambah kepada dapatan kajian yang melibatkan PPBT. Kajian lanjutan bagi kajian ini juga boleh dijalankan dengan menambah jumlah sekolah, jumlah murid dan jangka masa yang lebih panjang.

## KESIMPULAN

Aspek kelancaran, penggunaan kosa kata dan bahasa ketika bertutur berdasarkan gambar yang digunakan merupakan parameter penilaian dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan kaedah PPBT membantu murid menguasai kemahiran bertutur dan pendekatan konvensional adalah sebaliknya. Dapatan kajian ini boleh digunakan oleh guru-guru Bahasa Melayu, pihak pembina kurikulum dan bahan pengajaran dari Kementerian Pendidikan serta Institut Pendidikan Kebangsaan yang melatih guru-guru pelatih. Diharapkan hasil kajian ini dapat membantu guru-guru Bahasa Melayu, khususnya di Singapura dan kawasan Nusantara untuk terus memperjuangkan dan meraih manfaat pendidikan kepada diri sendiri, anak bangsa, masyarakat dan negara.

## RUJUKAN

- Aliakbari, M. & Jamalvandi, B., (2010). The impact of 'role play' on fostering EFL learners' speaking ability; A task-based approach. *Pan-Pacific Association of Applied Linguistics*, 14(1), 15-29.
- Barnard, R. & Viet, N. G., (2010). Task-based language teaching (TBLT): A Vietnamese case study using narrative frames to elicit teacher's beliefs. *Language Education in Asia*, 1(1), 77-86.



- Buitrago Campo, A. C. (2016). Improving 10th graders' English communicative competence through the implementation of the task-based learning approach. *PROFILE Issues in Teachers' Professional Development*, 18(2), 95-110. <http://dx.doi.org/10.15446/profile.v18n2.48272>.
- Buriro, G. A., & Hayat, T. (2010). Task-based learning: An in-class ELT experiment. *Journal of Educational Research*, 13, 121- 132.
- Curdt-Christiansen, (2014). Planning for development or decline? Education policy for Chinese language in Singapore. *Critical Inquiry in Language Studies*, 11(1), 1-26.
- DeKeyser, R. M. (2007): Introduction: Situating the concept of practice. Di dalam R. M. DeKeyser (Ed.): *Practice in a Second Language: Perspectives from Applied Linguistics and Cognitive Psychology*. Pp.1-18. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ellis, R. (2003). *Task-based language learning and teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Frost, R. (2014). A Task-based Approach. Britis Council Teaching English. Dimuat turun daripada [http://www.teachingenglish.org.uk/think/methodology/task\\_based.shtml](http://www.teachingenglish.org.uk/think/methodology/task_based.shtml)
- Hu, R. (2013). Task-Based Language Teaching: Responses from Chinese Teachers of English. *The Electric Journal for English as a Second Language* 16(4), dicapai daripada <http://www.tesl-ej.org/wordpress/issues/volume16/ej64/ej64a1/pada> 10 Sept. 2018.
- Islam, N.D., Ghassem, B., Abdulreza, P. (2017). The effect of task-based language teaching on motivation and grammatical achievement of EFL junior high school students. *Advances in Language and Literary Studies*, 8(2), 243-259.

- Klapper, J. (2003). Taking communication task to task? A critical review of recent trends in language teaching. *Language Learning Journal*, 27, 33-42.
- Lee K.Y. (2001). *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*. Marshall Cavendish International: Singapore.
- Long, M. H. (2007). SLA: Breaking the siege. Di dalam M.H. Long, (Ed.) *Problems in SLA* (pp.139-168). Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Long, M.H. and Crookes, G. (1992). Three approaches to task-based syllabus design. Di dalam R. Willis and B.L. Leaver (Eds.) *Task-based Instruction in Foreign language Education*. Washington DC: University Press.
- Mao, Z. (2012). The application of task based language teaching to English reading classroom. *Theory and Practices in Language Studies*, 2(11), 2430-2438.
- Ministry of Education. (2005). Report of the Malay Language Curriculum and Pedagogy Review Committee. Singapore.
- Ministry of Education. (2010). *Nurturing active learners and proficient users*. Report of Malay Language Curriculum and Pedagogy Review Committee. Singapore: MOE.
- Nunan, D. (2010). *Task Based Language Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Plews, J., & Zhao, K. (2010). Tinkering with tasks knows no bounds: ESL Teachers' Adaptations of Task-Based Language-Teaching. *TESL Canada Journal*, 28(1), 41.
- Richards, J. C. & Rodgers, T. (2006). *Approaches and methods in language teaching* (2<sup>nd</sup> Ed.). Cambridge University Press.



- Rohani, S. (2011). Impact of task-based learning on Indonesian tertiary EFL students' employment of oral communication strategies. *The International Journal of Interdisciplinary Social Sciences*, 5(10), pp. 85-102
- Skehan, P. (1998). A cognitive approach to language learning. Di Dalam Long, M.H. and Doughty, C.J. (Eds.) (2009). *The Handbook of Language Teaching*. Wiley Blackwell Publication.
- Tee Zhou, (2019, Nov 3). Keeping the mother tongue alive: Singapore's bilingual challenge. The Straits Times Singapore. Dimuat turun daripada <https://www.straitstimes.com/singapore/keeping-the-mother-tongues-alive-singapores-bilingual-challenge>
- Van den Branden, K., (Ed.). (2006). *Task-based language education: From theory to practice*. Cambridge, England: Cambridge University Press.
- Willis, D. & J. Willis, (2007). *Doing Task-based Teaching*, Oxford University Press.
- Xiongyong, C., & Moses, S. (2011). Perceptions and implementation of task-based language teaching among secondary school EFL teachers in China. *International Journal of Business and Social Science*, 2(24), 292- 302.
- Zhao, S. H. & Shang. G. W. (2013). Linguistic landscape in Singapore schools: An empirical revelation. Paper presented at the SISU (Shanghai International Studies University) International Symposium of 2013 Language Policy and Education. Shanghai, China.